



## AGENSI NUKLEAR MALAYSIA DAN AFES MENGUATKAN KOMITMEN KE ARAH EKONOMI KITARAN

**BANGI, 16 Januari 2024** – Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) bersama Alam Flora Environmental Solutions Sdn. Bhd. (AFES) menjalankan kerjasama pembuktian konsep (*proof-of-concept*) teknologi plastik-ke-bahan api (*plastic-to-fuel*) yang inovatif. Pertukaran MoU antara Agensi Nuklear Malaysia yang diwakili oleh YBrs. Dr. Rosli bin Darmawan, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, dan AFES yang diwakili oleh YBhg. Dato' Mohd. Zain bin Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn. Bhd. merangkap Pengarah Alam Flora Environmental Solutions Sdn. Bhd. (AFES) telah diadakan di Kompleks Utama Agensi Nuklear Malaysia Bangi pada hari ini.

Dengan termeterainya kerjasama ini ia menandakan perkongsian transformatif diantara kedua-dua pihak yang bertujuan untuk memanfaatkan teknologi nuklear bagi menangani pencemaran alam sekitar. MoU ini juga dilihat sebagai satu langkah baik dalam mengarusperdanakan penggunaan teknologi nuklear secara aman di Malaysia yang sekaligus dapat memberi impak positif kepada rakyat.

Di antara aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan termasuklah pengumpulan dan pemprosesan sisa plastik serta penggunaan *Radiation Assisted Pyrolysis (RAP)*. Pirolisis adalah kaedah penguraian bahan plastik menggunakan haba tinggi secara tertutup bagi penghasilan produk baharu yang bernilai tambah. Gabungan teknik pirolisis dan teknologi sinaran ini dapat menghasilkan produk bernilai tinggi daripada sisa plastik domestik secara lebih efektif pada kos yang lebih rendah.

## UNTUK SIARAN SEGERA

Titik permulaan kerjasama di antara Nuklear Malaysia dan AFES bermula dengan penglibatan dalam initiatif Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) bagi mengurangkan pencemaran plastik melalui penggunaan teknologi nuklear. Nuklear Malaysia menerusi kerjasama dengan IAEA telah menyediakan kemudahan dan kepakaran dalam pelaksanaan projek. Pembuktian konsep teknologi bermula dengan pembangunan rig ujian (*test rig*). Sehingga kini, rig berkenaan telah pun beroperasi bagi menghasilkan minyak pirolisis.

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Dr. Rosli Darmawan mengalu-alukan jaringan kerjasama strategik bersama-sama pihak industri dan yang berkepentingan bagi memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi nuklear bagi menyokong pertumbuhan sosio-ekonomi negara. Beliau turut berkata, kerjasama ini merupakan salah satu usaha dalam menyebarluaskan penggunaan teknologi nuklear secara aman ke arah mempertingkatkan daya saing industri, memperkuuhkan kesejahteraan rakyat dan melestarikan alam sekitar.

Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn. Bhd. merangkap Pengarah Alam Flora Environmental Solutions Sdn. Bhd. (AFES), Dato' Mohd Zain Bin Hassan berkata, kerjasama strategik antara AFES dan Agensi Nuklear Malaysia ini tidak hanya bertujuan untuk mengurangkan secara signifikan sisa plastik, tetapi juga bagi memupuk komitmen terhadap amalan alam sekitar yang lebih mampan serta merancakkan lagi perkembangan teknologi. Diharapkan MoU ini dapat mendorong kepada perubahan positif dengan menggabungkan kepakaran dan sumber sediada untuk masa hadapan yang lebih mampan dan hijau.

– TAMAT –

**Mengenai Agensi Nuklear Malaysia**

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berperanan sebagai agensi peneraju bagi mempromosi dan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi (S&T) nuklear di Malaysia. Aktiviti R&D yang dilaksanakan melibatkan beberapa bidang utama termasuklah industri, perubatan dan penjagaan kesihatan, makanan dan pertanian, air dan sumber asli, alam sekitar, tenaga, serta keselamatan, sekuriti dan kawal selia nuklear.

Hasil R&D yang berpotensi turut diketengahkan ke pasaran untuk memanfaatkan penemuan inovasi saintifik kepada rakyat dan ekonomi negara. Bersandarkan kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang S&T nuklear, infrastruktur dan kemudahan penyelidikan yang lengkap, serta disiplin tenaga kerja yang profesional, Nuklear Malaysia sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelbagai rakan kerjasama strategik, pelanggan, dan masyarakat keseluruhannya.

**Untuk pertanyaan:** Sila layari [www.nuclearmalaysia.gov.my](http://www.nuclearmalaysia.gov.my) atau hubungi Nazlia Naim, Unit Komunikasi Korporat, Agensi Nuklear Malaysia di talian 012-7526676.

**Mengenai Alam Flora Environmental Solutions (AFES)**

Alam Flora Environmental Solutions (AFES) adalah sebuah anak syarikat milik penuh Alam Flora Sdn Bhd (AFSB) di bawah Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), AFES menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelbagai syarikat, kerajaan dan institusi selama ini.

AFES adalah pakar dalam menyediakan perkhidmatan berkaitan alam sekitar yang komprehensif untuk meningkatkan kualiti hidup. Diperakui dengan ISO 9001, 14001 & ISO 45001, AFES juga menawarkan penyelesaian alam sekitar holistik kepada pelbagai syarikat, agensi kerajaan dan institusi melalui perkhidmatan alam sekitar yang komprehensif untuk menyokong pembangunan lestari. Selain pengurusan sisa pepejal, AFES telah mempelbagaikan perniagaan dan perkhidmatannya melalui inovasi, ke dalam beberapa perniagaan teras yang berbeza, termasuk Pengurusan Fasiliti (Facility Management), Infrastructure Cleansing and Waste Solutions (ICWS), Waste Management Facilities (WMF), Port Reception Facilities (PRF) dan Sustainable Facility & Eco Park Centre (SAFE).

**Untuk pertanyaan :** Sila layari [www.afes.com.my](http://www.afes.com.my) atau hubungi Ahmad Hasif bin Hilmi, Eksekutif Pengurusan Media, Pemasaran Strategik dan Komunikasi, Alam Flora Environmental Solutions Sdn Bhd, Tel: +60132757958/ +603-78030518